



23 NOV, 2022

## TNB siap sedia hadapi tengkujuh

Sinar Harian, Malaysia



Page 1 of 2

## TNB siap sedia hadapi tengkujuh

**KUALA LUMPUR** - Tenaga Nasional Bhd (TNB) telah membuat persiapan menyeluruh bagi menghadapi musim tengkujuh termasuk penambahbaikan kepada infrastruktur kritikal miliknya di kawasan berpotensi ditenggelami banjir.

Ketua Pegawai Rangkaian Pembahagian TNB, Wan Nazmy Wan Mahmood berkata, kesemua empangan hidroelektriknya berada dalam keadaan baik untuk terus berfungsi sebagai tebatan banjir.

TNB juga telah memasang tembok penahan sistem perparitan di pencawang masuk utama dan meninggikan aras platform peralatannya, manakala set jana kuasa bergerak serta perkakas kritikal seperti bot, telefon satelit dan lampu limpah telah ditempatkan di lokasi strategik.

“Langkah-langkah lain ialah mengubah lokasi dan meningkatkan ketinggian menara penghantaran untuk memastikan tiada risiko menara tumbang,” menurut kenyataan pada Selasa. - *Bernama*